

Pendapatan negara dijangka lebih rendah

1987 TAHUN SULIT — PPM

KUALA LUMPUR 12 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasil pendapatan negara bagi tahun 1987 dijangka lebih rendah dan ini akan menyulitkan kerajaan menjelaskan hutang - hutang negara.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan khawatir dengan keadaan ini dan sedang berusaha mendapatkan penjadualan semula hutang - hutang negara daripada bank-bank peminjam.

Beliau menarik perhatian, kejatuhan harga bahan-bahan mentah yang menjejaskan kutipan cukai kerajaan akan dirasai tahun depan kerana cukai tahun ini hanya akan dikutip pada tahun 1987.

Perdana Menteri berucap merasmikan Simposium Bumiputera dan Ekonomi Negara Ke-2 anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan dan Sabah dan Sarawak di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan ekonomi negara sudah buruk dengan kemerosotan 40 peratus nilai ringgit berbanding dengan yen serta harga barang lain.

MALAYSIAN MAIL 12 APRIL 1986

Oleh
Kamal Zailani

Keadaan ini, katanya, memaksa kerajaan mencari wang yang banyak untuk menjelaskan pinjaman yang sama di samping berusaha menentukan nilai ringgit terus kukuh di pasaran dunia.

"Hasil pendapatan negara bukan bertambah tapi berkurangan. Kesan kejatuhan harga ini sudah tentu menjejaskan kutipan cukai kerajaan pada tahun 1987," kata beliau.

Tidak mampu

Beliau mengingatkan, sekiranya produktiviti negara tidak dipertingkatkan, kerajaan tidak akan mampu untuk membayar tuntutan gaji dan menyusun belanjawan yang lebih selesa.

Tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, adalah sukar untuk mempersoalkan kemampuan kerajaan untuk membayar tuntutan gaji 860,000 pekerja perkhidmatan awam sekiranya daya pengeluaran negara tidak meningkat.

Beliau menambah, hasil pendapatan negara, seperti para peniaga juga, telah terjejas bahkan berada di tahap membimbangkan berikutan kejatuhan harga bahan-bahan mentah.

Perdana Menteri kesal dengan turun-naik

harga di Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) yang menurutnya bergantung kepada khabar - khabar angin.

"PSKL seharusnya berfungsi berdasarkan kekuatan syarikat - syarikat yang disenaraikan, seperti yang diamalkan oleh pasaran - pasaran saham di negara maju dan bukan menunjukkan reaksi berikutan khabar-khabar angin," tegasnya.

Jelas beliau, kerajaan telah beberapa kali memberi amaran supaya PSKL tidak dijadikan sebagai kasino dan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan pasaran, termasuk menyuruh institusi - institusi melabur di dalamnya.

Tetapi, tambah beliau, tindakan ini telah ditentang oleh beberapa pihak tertentu dengan menyebarkan dakwaan bahawa kerajaan mengambil tindakan tersebut untuk melindungi saham beberapa menteri.

Perdana Menteri berkata, perbuatan seperti ini telah merosakkan nama baik menteri berkenaan dan menyebabkan kerajaan tidak meneruskan langkah menyokong pasaran.

Katanya, apabila PSKL mudah terdedah kepada khabar-khabar angin, ia telah digunakan oleh golongan tertentu untuk menimbulkan suasana yang tidak tenteram.

1987 TAHUN YANG SULIT – MAHATHIR

MIM 13 APR 1986

Sebagai contoh, katanya, semasa beliau ke Sabah untuk mengemukakan formula krisis negeri itu, indeks PSKL meningkat kepada lima mata tetapi apabila formula itu tidak berhasil ia turun kepada lima mata dan terus berada pada kadar yang lemah.

Menyentuh tentang peniaga - peniaga bumiputera, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau pernah menasihatkan mereka supaya jangan menumpu kepada bidang hartanah dan menggunakan saham seba-

gai cagaran kepada bank.

Tetapi, katanya, nasihat ini tidak didengar dan apabila harga saham turun, adalah sukar bagi mereka untuk menambah nilai cagaran harga saham untuk dibayar kepada bank.

Beliau berharap semua bank, kerajaan dan ahli-ahli perniagaan seharusnya serius memikirkan krisis yang berlaku sekarang sebelum ia menjadi bertambah teruk.

“Tidak ada sesiapa termasuk kerajaan boleh disalahkan kerana kesulitan-

kesulitan ekonomi yang dialami sekarang sama ada melalui dasar yang diperkenalkan atau menerusi andaian - andaian yang salah,” katanya.

Katanya: “Saya mengakui pernah melakukan kesilapan ketika mentadbir negara kerana saya juga seorang manusia tetapi kadangkala jika mendengar terlalu banyak nasihat, ia kadangkala akan mengelirukan saya.”

Perdana Menteri memberitahu, beliau telah meminta bank-bank supaya

tidak terlalu “menekan” ahli-ahli perniagaan, khususnya bumiputera mengenai masalah pinjaman bank.

Bagaimanapun, katanya, kemelesetan ekonomi dirasai oleh semua dan pihak - pihak yang terlibat harus

memahami keadaan masing-masing.

“Walau apa keputusan yang kita ambil, faktor yang akan menentukan kejayaan ialah pekerjaan yang berasaskan amanah, rajin dan kecekapan pengurusan.” katanya.